

# Galak OKU ceburi sukan

Perangsang Selangor anjur klinik boling untuk didik serta cungkil bakat baharu

SHAH ALAM - Seramai 38 peserta Orang Kurang Upaya (OKU) menyertai klinik boling 'sukan untuk semua' anjuran Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) bertempat di Ampang Superbowl, Bangi Gateway Mall, Bangi pada Ahad lalu.

Program tersebut merupakan program Rangsangan Sukan Selangor (RSS) yang juga sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat Perangsang Selangor melibatkan lapan jenis sukan iaitu badminton, boling, renang, berbasikal, bola sepak, skuasy, sepak takraw dan memanah.

Pengarah Bersekutu, Perhubungan Awam, Media dan Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor, Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata, program itu diatur bagi memberi pe-



Musyirah (baris belakang, dua kir) dan Mohd Razif (baris belakang, tengah) bersama peserta daripada Kelab Tenpin Boling Para Bersatu.

luang kepada semua golongan masyarakat di Selangor terutama golongan yang terpinggir mempelajari ilmu serta menggalakkan mereka menceburi bidang sukan.

Beliau berkata, penyertaan kali ini melibatkan 26 peserta lelaki dan 12 wanita daripada Kelab Tenpin Boling Para Bersatu.

"Perangsang Selangor juga melantik 'JAB Bowling

Academy' yang dikendalikan jurulatih, Mohd Razif Abu Bakar untuk melaksanakan 18 program seumpamanya pada tahun ini dengan menyasarkan penglibatan seramai 972 peserta dari seluruh Selangor," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Selangor, Musyirah Elias berkata, usaha Perangsang Selangor un-

tuk memartabatkan golongan terpinggir dalam bidang sukan harus dipuji.

"Pencapaian mereka boleh dilihat apabila sejak kebelakangan ini ternyata atlet-atlet OKU juga mampu menyinar dan mengharumkan negara di temasya sukan antarabangsa," katanya.

Program itu turut disertai tiga atlet boling OKU Selangor iaitu Noor Lizah Salman,



Zahidin Sharif dan Rosheedy Faizal Roslan yang terpilih untuk menyertai skuad kebangsaan bagi menghadapi Sukan Para Asian 2018 di Palembang, Indonesia pada November ini.

Sementara itu, program 'sukan untuk semua' di bawah RSS bermula sejak tahun 2014 melibatkan 13,873 peserta dalam lapan jenis sukan menerusi 104 program yang dilaksanakan di seluruh daerah di Selangor.

Bagi 2017, Perangsang Selangor memperuntukkan dana bermilai RM1.45 juta bagi melaksanakan sejumlah

90 program atau klinik 'sukan untuk semua' termasuk pengajuran Kejohanan Bola Sepak Piala Raja Muda Selangor (bawah 12 tahun) serta Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Mokhtar Dahari (bawah 18 tahun).